Pensyarah jangan fikir imbuhan semata-mata

um 21/11/05 (281)

Saudara Pengarang,

SATU penyakit di kalangan masyarakat kita yang juga dihidap oleh golongan ilmuan iaitu pensyarah di universiti iaitu hanya fokus diri kepada ringgit dan sen, sehingga menyebabkan tumpuan fikiran hanya kepada 'perut', bukan kepada 'otak.'

Lihat sahaja dialog-dialog yang berlaku apabila bertemu dengan kumpulan yang makan gaji: "Ah... gaji aku sikit", "Kerajaan tak pernah fikirkan kenaikan gaji golongan bawahan", "Jika majikan tambah gaji, barulah kami produktif", "Buat apa kerja kuat-kuat, gaji macam ini juga."

Jika majikan atau bos meminta kita melakukan kerja lebih sedikit daripada biasa, maka kita akan jawab: "Dia tak apalah, gajinya sudah tinggi" atau "Dialah yang sepatutnya buat kerja lebih kerana gaji kita hanya separuh daripada gajinya."

Dialog seperti itu berlaku juga di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang sepatutnya melahirkan pengurus-pengurus profesional, rajin dan gigih dalam bekerja, juga menghidap penyakit yang sama: 'ringgit dan sen'

Sepatutnya pensyarah UUM melahirkan mereka yang pandai mengurus 'ringgit dan sen' bukan menjadi golongan yang turut tergoda dengan 'RM'.

Saya tidak terkejut apabila Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi mencadangkan supaya setiap warga kampus bekerja lebih kuat sekurang-kurang 16 jam sehari untuk menjadikan UUM dan negara ini maju dengan cepat, ramai pensyarah melatah: "Ini akan meletihkan kita, sedangkan gaji tak berubah."

Mengikut Dr. Nordin, Singapura sudah mencapai tahap negara maju kerana telah mencapai kuasa beli pariti kuasa membeli AS$24,000 setahun, sedangkan Malaysia masih di sekitar AS$8,000 setahun (tiga kali ganda).

Sebaliknya apa yang berlaku di kalangan pensyarah kanan bukan mahu memikirkan bagaimana untuk memperkayakan negara sebagai satu sumbangan peribadi kepada negara, tetapi banyak memikirkan "apa yang sepatutnya kerajaan sumbangkan lagi kepada kita."

Sedangkan, pensyarah atau kakitangan akademik di universiti kini sudah menduduki perjawatan yang luar biasa berbanding dengan perjawatan perkhidmatan lain.

Perkhidmatan awam lain, seperti guru di sekolah, memerlukan lebih 20 tahun baru dipertimbangkan kenaikan pangkat, berbanding pensyarah yang memerlukan lima tahun bekerja, boleh dipertimbangkan ke pensyarah kanan pada tangga gaji DS52.

Seorang guru di sekolah memerlukan masa kira-kira 10 tahun untuk mencapai tahap DS45, sedangkan pensyarah yang hanya mempunyai sarjana, memasuki kerjaya pensyarah terus ke DS45.

Begitupun, kebanyakan pensyarah masih lagi meletakkan 'ringgit dan sen' menjadi agenda fokus dalam fikiran, sedangkan kita faham kerajaan memberikan kemudahan itu kerana golongan pensyarah "sanggup mengabdikan diri kepada ilmu."

Penyakit ini nampak menyeluruh dihidapi oleh masyarakat kita. Ramai meletakkan keutamaan kepada rumah besar, kereta mewah dan mampu membeli segala kehendak, sebagai keutamaan dalam hidup.

Saya sebagai pensyarah muda di UUM membangkitkan perkara ini demi untuk memastikan kerjaya pensyarah sebagai pencinta ilmu terus subur, bukan kepada pencinta mutlak kepada 'RM'.

Memikirkan tidak cukup duit, seorang jutawan juga akan terus memikirkan perkara yang sama. Ia tidak ada kesudahan.

Dalam perbualan saya dengan pensyarah-pensyarah lain termasuk di kedai-kedai kopi (kami dibenarkan untuk minum berjam-jam di kedai kopi walaupun di waktu pejabat!), banyak berkisar kepada perjuangan menuntut gaji yang lebih.

Rakan-rakan saya ada yang sanggup untuk hanya meletakkan nama pada penyelidikan yang dibuat oleh rakan-rakan lain, demi untuk mendapatkan nama dan sekali gus berpeluang mendapat kenaikan pangkat ke peringkat profesor madya atau profesor.

Contoh buruk daripada pensyarah kanan seperti ini sedikit sebanyak mempengaruhi saya dan rakan-rakan.

Jika ini berterusan, bancian *ranking* seperti *Times Higher Education Supplement* (THES) akan terus meletakkan universiti kita tercorot. Yang paling bahaya, keghairahan kepada ilmu dan penjanaan ilmu akan menyusut, ekoran kecintaan kepada kebendaan.

Penawarnya, sikap pensyarah perlu diubah kepada golongan yang sanggup bekerja kuat seperti seorang hamba abdi yang setia kepada tuannya. Tuan kepada pensyarah ialah ilmu, bukan kepada 'ringgit dan sen'. — **PENSYARAH MUDA SINTOK, Jitra, Kedah.**

UUM/669/UM/21.11.2005/P: 12(1)